

Rungkai kekeliruan tarekat

peristiwa

SERING menjadi perdebatan ramai, amalan tarekat di negara ini terus menimbulkan kontroversi hangat dalam kalangan umat Islam sehingga terdapat golongan melabelkan ajaran yang berkait rapat dengan ilmu tasawuf itu adalah sesat.

Sehubungan itu, bagi merungkai kekeliruan yang berlaku, Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia (Pertama) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia (Budi) akan menganjurkan *Simposium Tarekat Tasawuf*.

Seminar sehari yang akan diadakan di Auditorium Masjid Putra, Putrajaya pada Sabtu ini juga bertujuan mendedahkan sumbangan dan kepentingan tarekat tasawuf dalam Islam di samping memperbetulkan tanggapan negatif terhadap fahaman tersebut.

Bertemakan *Ke arah Memartabatkan Amalan Tarekat Tasawuf* sebanyak empat pembentangan kertas kerja akan disampaikan pada seminar itu.

Panel pembentang yang hadir adalah bekas Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia (APIUM), Dr. Jahid Sidek yang akan membentangkan kertas kerja bertajuk *Kedudukan dan Kepentingan Tarekat Tasawuf Dalam Islam*; Pensyarah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Profesor Madya Dr. Syed Hadzrullatfi Syed Omar dengan tajuk pembentangan *Amalan Zikir Ismu Zat: Jalan Menuju Hakikat dan Makrifatullah* pada sesi pagi.

Manakala bagi sesi petang pula, seminar akan diteruskan dengan pembentangan kertas kerja oleh Pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Mahyuddin Ismail yang bertajuk *'Peranan Tarekat Tasawuf Dalam Memperbetulkan Akidah Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari'* dan



Pertama merupakan pertubuhan yang ditubuhkan bagi mengembangkan peranan tarekat dan tasawuf dalam pembangunan negara, membela dan membetulkan salah anggapan tentang tarekat tasawuf serta mengadakan aktiviti kebajikan untuk umat Islam."

diikuti oleh pembentangan kertas kerja bertajuk *'Peranan Tarekat Tasawuf Dalam Menghalang Aktiviti Keganasan dan Keruntuhan Akhlak'* oleh Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Ahmad Najaa Mokhtar.

Pertama merupakan pertubuhan yang ditubuhkan bagi mengembangkan peranan tarekat dan tasawuf dalam pembangunan negara, membela dan membetulkan salah anggapan tentang tarekat tasawuf serta mengadakan aktiviti kebajikan untuk umat Islam.

Pertama turut dianggotai oleh gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan pelbagai latar belakang amalan tarekat masing-masing.

Pada program itu, Pertama akan turut menganjurkan Majlis Zikir Perdana dan Pelancaran Pertama yang akan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dengan menyasarkan sebanyak 30,000 penyertaan umat Islam.



YANG Dipertua Pertama, Datuk Asari Ibrahim (tujuh dari kanan di barisan belakang) bersama wakil NGO dan barisan artis undangan ketika sidang akhbar Zikir Perdana di ibu negara, baru-baru ini.